

Sungai Klang, Gombak ikon baru ibu negara

Projek tepian jalan air destinasi tarikan pelancong: PM

Oleh Meor Hisham Zulkifli
sham@bharian.com.my

● AIZUDDIN SAAD | BERITA HARIAN

KUALA LUMPUR: Projek Sungai Nadi Kehidupan bakal merubah wajah Sungai Klang dan Sungai Gombak bagi menjadikan kawasan tepian air Kuala Lumpur sebagai ikon baru ibu negara serta membantu menajana pertumbuhan nilai hartanah dan ketibaan pelancong.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata usaha membangunkan tepian Sungai Gombak dan Sungai Klang, tidak terhenti kepada pembangunan infrastruktur untuk warga kota, tetapi merangkumi usaha meningkatkan kualiti air sama seperti projek pemuliharaan sungai CheongGye-Cheon, di Seoul, Korea Selatan.

“Banyak bandar raya terunggul dunia seperti London, Paris, Melbourne dan Amsterdam mempunyai jalan air yang begitu ikonik dan terkenal. Tepian jalan air ini menjadi destinasi meriah yang menjadi tarikan pelancong dan tumpuan warga kota untuk pelbagai aktiviti sosial dan ekonomi,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pecah tanah projek Sungai Nadi Kehidupan di sini semalam.

Projek yang membabitkan tiga komponen ini iaitu pembersihan su-



NAJIB mendengar penerangan Pengarah Urusan Perancangan, Reka Bentuk dan Pembangunan Asia Tenggara AECOM, Scott Dunn mengenai pelan induk Projek Sungai Nadi Kehidupan di Kuala Lumpur, semalam.

ngai, pengindahan dan pembangunan koridor sungai bakal merubah wajah kota raya sebagai sebuah kawasan tepian air (waterfront) dalam kerangka projek Greater Kuala Lumpur dan Lembah Klang.

Apabila siap kelak, warga kota boleh beriadah di tepian air, berbasikal dari Setapak sehingga ke Brickfields, selain kajian turut di-

jalankan bagi memperkenalkan laluan air untuk warga kota.

Najib berkata, Sungai Klang yang mengalir di tengah bandar raya, adalah aset semula jadi yang kurang dimanfaatkan, di sebaliknya ia mempunyai segala ciri untuk menjadi kawasan tepian air yang segar dan penuh dengan pelbagai aktiviti kehidupan.